



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PERSEPSIGURU DAN MURID TERHADAP DISPOSISI GURU BERKESAN***

***KHAIRUL ANUAR BIN A. RAHMAN***

**FPP 2014 65**



**PERSEPSIGURU DAN MURID TERHADAP DISPOSISI GURU BERKESAN**

Oleh

**KHAIRUL ANUAR BIN A. RAHMAN**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

**Ogos 2014**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



*Dedikasi buat isteriku yang tercinta, Noor Hidayah Johari yang sentiasa setia di sisi mengharungi suka duka dalam melayari bahtera kehidupan.*

*Buat anakanda-anakanda tersayang, Noor Zahiratul Aleiya Khairul Anuar dan Noor Insyiratul Arissa Khairul Anuar yang sentiasa menghiburkan.*

*Bonda Faeh Abdullah yang memberi kekuatan serta ayahanda dan bonda mertua, Johari Mamat dan Samsiah Mohiddin yang sentiasa sedia menghulur bantuan.*

*Terima kasih daun keladi!*



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

## **PERSEPSI GURU DAN MURID TERHADAP DISPOSISI GURU BERKESAN**

Oleh

**KHAIRUL ANUAR BIN A. RAHMAN**

**Ogos 2014**

**Pengerusi : Tajularipin Sulaiman, PhD**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengkaji persepsi guru dan murid terhadap disposisi guru berkesan. Kajian ini meliputi tiga konstruk dan sembilan subkonstruk. Konstruk-konstruk yang dikaji termasuk sahsiah keperibadian yang merangkumi subkonstruk sikap prihatin, sikap adil dan sikap tanggung jawab. Konstruk perwatakan fizikal pula termasuk subkonstruk cara berpakaian, wajah dan kekemasan diri dan konstruk kemahiran komunikasi terdiri daripada subkonstruk kemahiran bertutur, bahasa badan dan kemahiran kecindan. Setiap subkonstruk ini mempunyai kriteria-kriteria tertentu yang akan memperjelaskan lagi subkonstruk tersebut dengan lebih terperinci. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif secara temu bual yang melibatkan guru dan murid, penelitian bukti dokumen serta pemerhatian ke atas guru yang terlibat dan telah dilaksanakan di sebuah sekolah menengah di daerah Gombak, Selangor. Pemilihan sampel adalah berdasarkan kaedah rawak bertujuan yang melibatkan seramai empat orang guru daripada pelbagai latar belakang dan empat orang murid daripada Tingkatan Empat. Dapatan kajian menunjukkan aspekkeberkesanan guru mengikut persepsi yang dipersetujui oleh kedua-dua guru dan murid adalah meliputi subkonstruk sikap prihatin, sikap adil, sikap tanggung jawab, cara berpakaian, wajah, kekemasan diri, pertuturan dan bahasa badan manakala dalam subkonstruk ekspresi muka, faktor umur, kecantikan wajah dan kemahiran kecindan terdapat percanggahan persepsi antara guru dan murid. Aspek-aspek ini telah disenaraikan sebagai penting oleh murid manakala guru telah berpendapat sebaliknya. Kesimpulannya, kesemua subkonstruk yang disenaraikan ini akan membentuk suatu ciri guru berkesan mengikut pandangan guru dan murid. Di akhir kajian ini, pengkaji telah mengutarakan beberapa implikasi dan cadangan kajian lanjutan untuk diaplikasikan pada masa-masa akan datang.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**TEACHERS' AND STUDENTS' PERCEPTION TOWARDS EFFECTIVE  
TEACHER'S DISPOSITION**

By

**KHAIRUL ANUAR BIN A. RAHMAN**

**August 2014**

**Chairman : Tajularipin Sulaiman, PhD**

**Faculty : Educational Studies**

The main purpose of this research is to determine the teachers' and students' perception towards effective teacher's disposition. The research consists of three constructs and nine subconstructs. Constructs that are studied include personal behaviour that include caring and thoughtfulness, just and responsibility. Physical constructs that includes style of dressing, face appearance and neatness and communication construct that involves subconstructs such as presenting skills, body language as well as sense of humour. Every subconstruct consists of given criteria that will clarify the sub construct in question further. This research had been conducted using qualitative method by utilizing methods of interviewing that involve both teachers and students, observation on documented evidents as well as observation on the involved teachers in a secondary school in Gombak, Selangor. Samples had been choosed using purposeful sampling technique involving four teachers of different background and four students of Form Four. The result of this research shows that the criteria of an effective teacher according to the perception of both, teachers and students includes subconstructs such as caring, just, responsible, good sense of style in dressing and facial appearance, neat and a good communicator, both verbally and non-verbally. However, in subconstructs like facial expression, factor of age, beauty and sense of humour, there is some contradiction between teachers' and students' perception when students state these factors as important while teachers' believe that it is the other way around. As for the conclusion the subconstructs listed down by both teachers and students will then form a criteria that fits the image of an effective teacher according to the perception of both teachers and students. Towards the end, researcher had also listed down

several implication of the study as well as several suggestions that can be implemented for future use.



## PENGHARGAAN

*Bismillah Ar-Rahman Ar-Rahim*

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, penyelidikan ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga dirakamkan buat Pengerusi Ahli Jawatan Kuasa Penyeliaan, Prof. Madya Dr. Tajularipin Sulaiman atas segala nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan dengan penuh dedikasi selama penyelidikan ini dirangka, dijalankan sehinggalah selesai disempurnakan. Sekalung penghargaan juga buat Ahli Jawatan Kuasa Penyeliaan, Dr. Roselan Baki dan Dr. Norlizah Che Hassan atas segala bimbingan dan teguran membina yang telah diberikan.

Sekalung terima kasih ditujukan buat Isteri tercinta, Puan Noor Hidayah Johari atas segala pengorbanan dan kesetiannya dalam menemani di sepanjang proses yang rumit ini serta tak lupa buat anakanda-anakanda yang comel, Noor Zahiratul Aleiya Khairul Anuar dan Noor Insyiratul Arissa Khairul Anuar yang sentiasa menghiburkan dengan telatah-telatahnya.

Penghargaan juga buat bonda, Feah Abdullah dan kedua-dua ayahanda dan bonda mertua, Johari Mamat dan Samsiah Mohiddin yang tak jemu-jemu memberi sokongan dan kata-kata perangsang serta semua sahabat dan rakan seperjuangan yang telah membantu dalam proses yang panjang ini.

Terima kasih. Wassalam.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada **14 Ogos 2014** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Khairul Anuar Bin A. Rahman** bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "**Persepsi Guru dan Murid Terhadap disposisi Guru Berkesan**" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah **Master Sains**.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut :

**Abdul Rasid Bin Jamian, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Shaffe Mohd Daud, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Wan Zah Binti Wan Ali, PhD**

Profesor  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Abd. Majid Mohd Isa, PhD**

Profesor  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**NORITAH OMAR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 16 Disember 2014

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

**Tajularipin Bin Sulaiman, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Roselan Bin Baki, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Norlizah Binti Che Hassan, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Khairul Anuar Bin. A. Rahman (GS 23571)

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggung jawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan Tajularipin Bin Sulaiman, PhD

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan Roselan Bin Baki. PhD

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan Norlizah Binti Che Hassan, PhD

## SENARAI KANDUNGAN

|  | Muka surat |
|--|------------|
| <b>ABSTRAK</b>                                       | i          |
| <b>ABSTRACT</b>                                      | ii         |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                   | iv         |
| <b>PENGESAHAN</b>                                    | v          |
| <b>PENGAKUAN</b>                                     | vii        |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                                | xii        |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                                 | xiii       |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                             | xiv        |
| <br>   |            |
| <b>BAB</b>   |            |
| <b>1 PENGENALAN</b>                                  |            |
| 1.1 Pendahuluan                                      | 1          |
| 1.2 Latar Belakang Kajian                            | 1          |
| 1.2.1 Persepsi                                       | 1          |
| 1.2.2 Disposisi                                      | 2          |
| 1.2.3 Guru Berkesan                                  | 3          |
| 1.2.4 Rasional Kajian Persepsi                       | 4          |
| 1.2.5 Persepsi Guru dan Murid Terhadap Guru Berkesan | 5          |
| 1.3 Pernyataan Masalah                               | 5          |
| 1.4 Objektif Kajian                                  | 7          |
| 1.5 Soalan Kajian                                    | 7          |
| 1.6 Kepentingan Kajian                               | 8          |
| 1.7 Skop dan Batasan Kajian                          | 9          |
| 1.8 Definisi Operasional                             | 10         |
| 1.9 Kesimpulan                                       | 12         |
| <br>   |            |
| <b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>                          |            |
| 2.1 Pengenalan                                       | 13         |
| 2.2 Pendekatan Teori                                 | 13         |
| 2.2.1 Teori Humanistik Abraham Maslow                | 13         |
| 2.2.2 Teori Permodelan Bandura                       | 14         |
| 2.2.3 Teori Kecekapan Komunikasi                     | 15         |
| 2.3 Pendekatan Model                                 | 16         |
| 2.3.1 Model Komunikasi Schramm II                    | 16         |
| 2.3.2 Model S-R                                      | 16         |
| 2.4 Pendekatan Kajian                                | 17         |
| 2.4.1 Disposisi Guru Berkesan                        | 17         |
| 2.4.2 Sahsiah Keperibadian Guru                      | 20         |
| 2.4.3 Perwatakan Fizikal Guru                        | 21         |

|          |   |    |
|----------|---|----|
| 2.4.4    | Kepentingan Komunikasi Berkesan                       | 22 |
| 2.4.5    | Persepsi Guru dan Murid terhadap Guru Berkesan        | 26 |
| 2.5      | Pendekatan Bahan Ilmiah                               | 27 |
| 2.5.1    | Sahsiah Keperibadian                                  | 27 |
| 2.5.1.1  | Sikap Prihatin  | 28 |
| 2.5.1.2  | Sikap Adil  | 29 |
| 2.5.1.3  | Sikap Tanggung Jawab                                  | 29 |
| 2.5.2    | Perwatakan Fizikal                                    | 30 |
| 2.5.2.1  | Cara Berpakaian                                       | 31 |
| 2.5.2.2  | Wajah   | 32 |
| 2.5.2.3  | Kekemasan Diri  | 33 |
| 2.5.3    | Kemahiran Komunikasi                                  | 33 |
| 2.5.3.1  | Pertuturan  | 34 |
| 2.5.3.2  | Bahasa Badan  | 35 |
| 2.5.3.3  | Kemahiran Kecindan                                    | 36 |
| 2.6      | Kerangka Kajian                                       | 37 |
| 2.7      | Kesimpulan  | 41 |
| <b>3</b> | <b>METODOLOGI</b>                                     |    |
| 3.1      | Pengenalan  | 42 |
| 3.2      | Reka Bentuk Kajian                                    | 42 |
| 3.3      | Rasional Pemilihan Kaedah Kualitatif                  | 43 |
| 3.4      | Lokasi Kajian   | 43 |
| 3.5      | Peserta Kajian  | 45 |
| 3.6      | Tempoh Kajian   | 46 |
| 3.7      | Kaedah Pengumpulan Data                               | 47 |
| 3.7.1    | Pemerhatian   | 47 |
| 3.7.2    | Temu Bual   | 49 |
| 3.7.3    | Bukti Dokumen   | 52 |
| 3.8      | Kaedah Penganalisan Data                              | 53 |
| 3.8.1    | Analisis Data Semasa Pengutipan Data                  | 53 |
| 3.8.2    | Analisis Data Selepas Pengutipan Data                 | 54 |
| 3.9      | Kesahan   | 55 |
| 3.10     | Kebolehpercayaan                                      | 56 |
| 3.11     | Kajian Rintis   | 57 |
| 3.12     | Kesimpulan  | 57 |
| <b>4</b> | <b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>                       |    |
| 4.1      | Pengenalan  | 58 |
| 4.2      | Latar Tempat Kajian                                   | 59 |
| 4.2.1    | Latar Kelas Tingkatan 4                               | 59 |
| 4.2.2    | Latar Responden                                       | 60 |
| 4.3      | Persepsi Guru dan Murid Terhadap Maksud Guru Berkesan | 61 |
| 4.3.1    | Guru Berkesan sebagai Pendidik                        | 61 |

|                           |   |            |
|---------------------------|---|------------|
| 4.3.2                     | Guru Berkesan Meninggalkan Kesan                        | 62         |
| 4.4                       | Persepsi Guru dan Murid Terhadap Sahsiah Keperibadian   | 63         |
| 4.4.1                     | Sikap Prihatin Guru Berkesan                            | 64         |
| 4.4.2                     | Sikap Adil Guru Berkesan                                | 66         |
| 4.4.3                     | Sikap Tanggung Jawab Guru Berkesan                      | 68         |
| 4.5                       | Persepsi Guru dan Murid Terhadap Perwatakan Fizikal     | 70         |
| 4.5.1                     | Pemakaian Guru Berkesan                                 | 70         |
| 4.5.2                     | Wajah Guru Berkesan                                     | 72         |
| 4.5.3                     | Kekemasan Diri Guru Berkesan                            | 75         |
| 4.6                       | Persepsi Guru dan Murid Terhadap Kemahiran Komunikasi   | 76         |
| 4.6.1                     | Pertuturan Guru Berkesan                                | 77         |
| 4.6.2                     | Bahasa Badan Guru Berkesan                              | 79         |
| 4.6.3                     | Kemahiran Kecindan Guru Berkesan                        | 80         |
| 4.7                       | Kesimpulan  | 82         |
| <b>5</b>                  | <b>RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>                 |            |
| 5.1                       | Pengenalan  | 83         |
| 5.2                       | Rumusan Kajian  | 83         |
| 5.2.1                     | Persepsi Maksud Guru Berkesan                           | 83         |
| 5.2.2                     | Persepsi Terhadap Sahsiah Keperibadian<br>Guru Berkesan | 84         |
| 5.2.3                     | Persepsi Terhadap Perwatakan Fizikal<br>Guru Berkesan   | 85         |
| 5.2.4                     | Persepsi Terhadap Kemahiran Komunikasi<br>Guru Berkesan | 88         |
| 5.3                       | Kesimpulan Kajian                                       | 90         |
| 5.4                       | Kekuatan dan Kelemahan Prosedur Pengumpulan Data        | 91         |
| 5.5                       | Implikasi Kajian  | 92         |
| 5.6                       | Cadangan Kajian Lanjutan                                | 93         |
| 5.7                       | Kesimpulan  | 93         |
| <b>RUJUKAN</b>            | <b>95</b>   |            |
| <b>LAMPIRAN</b>           | <b>103</b>  |            |
| <b>BIODATA PELAJAR</b>    |   | <b>141</b> |
| <b>SENARAI PENERBITAN</b> | <b>142</b>  |            |

## SENARAI JADUAL

| <b>Jadual</b>  | <b>Halaman</b> |
|--|----------------|
| 3.1 Pemerhatian dalam Kelas bagi Kajian Disposisi Guru Berkesan  | 48             |
| 3.2 Temu Bual Guru dan Murid bagi Kajian Disposisi Guru Berkesan | 52             |
| 4.1 Kriteria Guru Berkesan sebagai Pendidik                      | 61             |
| 4.2 Kriteria Guru Berkesan Meninggalkan Kesan                    | 62             |
| 4.3 Kriteria Sikap Prihatin Guru Berkesan                        | 64             |
| 4.4 Kriteria Sikap Adil Guru Berkesan                            | 66             |
| 4.5 Kriteria Sikap Tanggung Jawab Guru Berkesan                  | 68             |
| 4.6 Kriteria Pemakaian Guru Berkesan                             | 70             |
| 4.7 Kriteria Wajah Guru Berkesan                                 | 72             |
| 4.8 Kriteria Kekemasan Diri Guru Berkesan                        | 75             |
| 4.9 Kriteria Pertuturan Guru Berkesan                            | 77             |
| 4.10 Kriteria Bahasa Badan Guru Berkesan                         | 79             |
| 4.11 Kriteria Kemahiran Kecindan Guru Berkesan                   | 80             |



## SENARAI RAJAH

| <b>Rajah</b>   | <b>Halaman</b> |
|--|----------------|
| 2.1 Kerangka Konseptual Persepsi Guru dan Murid Terhadap Disposisi Guru Berkesan | 39             |
| 2.2 Kerangka Teoretikal Persepsi Guru dan Murid Terhadap Disposisi Guru Berkesan | 40             |



## SENARAI SINGKATAN

|       |  |
|-------|--|
| KPM   | Kementerian Pelajaran Malaysia             |
| UPM   | Universiti Putra Malaysia                  |
| SMKTS | Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selayang |
| KHB   | Kemahiran Hidup Bersepadu                  |
| P&P   | Pengajaran dan Pembelajaran                |
| RG1   | Responden Guru 1                           |
| RG2   | Responden Guru 2                           |
| RG3   | Responden Guru 3                           |
| RG4   | Responden Guru 4                           |
| RM1   | Responden Murid 1                          |
| RM2   | Responden Murid 2                          |
| RM3   | Responden Murid 3                          |
| RM4   | Responden Murid 4                          |

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan tentang persepsi guru dan murid terhadap disposisi guru berkesan. Perbincangan tentang ciri-ciri umum guru berkesan turut diutarakan sebagai latar belakang kajian. Selain itu, bab ini turut membincangkan tentang pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian dan seterusnya turut mengutarakan definisi operasional kajian.

#### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Latar belakang kajian ini memperihalkan persepsi dua kumpulan iaitu guru dan murid terhadap disposisi guru berkesan. Disposisi seseorang guru yang dianggap berkesan oleh kedua-dua kumpulan ini akan dihuraikan secara ringkas di sini.

##### **1.2.1 Persepsi**

Persepsi didefinisikan sebagai pandangan, tanggapan dan gambaran tentang sesuatu dalam hati atau fikiran (Kamus Dewan Edisi Ke-4, 2007). Persepsi turut didefinisikan sebagai penggunaan deria bagi mendapatkan maklumat, idea dan pandangan tentang persekitaran bagi membolehkan seseorang menjadi selesa dengan kewujudan pelbagai objek, peristiwa dan ciri-ciri di sekeliling mereka. Manusia turut ditegaskan sebagai berupaya membuat persepsi terhadap sesuatu objek tanpa perlu mendapatkan sebarang pengetahuan asas tentang objek tersebut (Adey & Shayer, 2000).

Berasaskan definisi ini, suatu kajian persepsi adalah sangat relevan dalam konteks penyelidikan ini disebabkan hal yang ingin dikaji daripada sudut guru dan murid ialah daripada segi tanggapan yang ada dalam fikiran mereka tentang ciri-ciri seorang guru berkesan. Guru dan murid terbabit turut tidak perlu mempunyai sebarang pengetahuan asas tentang senarai ciri yang benar bagi seseorang guru berkesan kerana perkara pokok yang ingin dikaji dalam penyelidikan ini adalah pandangan mereka tentang sifat-sifat yang perlu ada

dalam diri seseorang guru sehingga guru dan juga murid menjadi selesa dengan ciri-ciri tersebut sehingga menjadikannya berkesan dalam diri mereka.

Oleh hal yang demikian, suatu kajian persepsi difikirkan paling bertepatan bagi penyelidikan ini disebabkan fokus kajian melibatkan penggunaan deria bagi menghasilkan gambaran dalam hati dan fikiran guru dan murid yang terlibat dan bukanlah perspektif atau sudut pandang hasil penelitian atau kajian yang begitu mendalam tentang subjek tersebut.

### 1.2.2 Disposisi

Disposisi bermaksud pembawaan, personaliti, karekter, kebiasaan dan kecenderungan seseorang untuk bertindak dengan cara tertentu (Bourdieu, 2000). Disposisi dapat membezakan seseorang dengan seseorang yang lain. Istilah yang merujuk "*mood*" dan perangai dalaman seseorang biasanya berkait rapat dengan organisasi saraf, fizikal dan kualiti yang diperolehi menerusi pengalaman hidup (Bourdieu, 2000).

Disposisi adalah kecenderungan semula jadi setiap individu untuk mengambil pendirian tertentu dalam mana-mana bidang. Hal ini adalah kerana tidak ada suatu peraturan khusus untuk menentukan kecenderungan seseorang. Terdapat dua jenis disposisi iaitu disposisi atribusi dan disposisi situasi. Disposisi atribusi adalah penjelasan mengenai perilaku seseorang individu sebagai akibat daripada ciri dalaman yang terdapat dalam diri seseorang itu. Manakala, disposisi situasi adalah bersifat luaran dan dipengaruhi oleh persekitaran atau budaya individu terbabit. Disposisi secara keseluruhannya merujuk kepada disposisi atribusi dan bukannya disposisi situasi (Bourdieu, 2000).

Disposisi dalam konteks guru berkesan adalah pembawaan yang baik untuk dicontohi oleh anak didik (Purwanto, 2007). Disposisi seorang guru berkesan membabitkan pemaparan ciri-ciri kekuatan ilmu dan tingkah laku yang disertai dengan keluhuran etika kerja serta kefahaman yang jelas dan mendalam. Kesungguhan dan komitmen yang tinggi ke arah penyempurnaan tugas, berjiwa waja dan tidak mudah mengaku kalah turut merupakan ciri-ciri disposisi yang baik selain sikap optimistik dan sedia untuk belajar dari kesilapan (Purwanto, 2007).

Disposisi seseorang guru perlu menjadi model yang hampir dengan murid (Shahril, 2000). Hal ini meliputi penguasaan bahasa yang betul, kesempurnaan kerja, rupa diri, kesesuaian pakaian dan kecekapan. Seseorang guru berkesan haruslah mempunyai pembawaan yang dekat di hati muridnya.

Disposisi seseorang meliputi sahsiah keperibadian, perwatakan fizikal dan kemahiran komunikasi. Sahsiah keperibadian menyentuh aspek-aspek seperti

sikap tanggungjawab, keprihatinan, keadilan, kejujuran, keikhlasan dan perikemanusiaan. Ciri perwatakan fizikal pula mencakupi aspek-aspek seperti cara berpakaian, penampilan dan ekspresi wajah, kekemasan diri, binaan tubuh dan saiz badan serta warna kulit. Manakala aspek kemahiran komunikasi pula biasanya melibatkan ciri-ciri seperti gaya pertuturan, nada suara, penggunaan bahasa, bahasa badan, unsur kecindan dan kemahiran menarik perhatian.

Di Malaysia, disposisi seseorang guru sering mendapat perhatian murid dan masyarakat (Mok, 2006). Antara perkara yang sering dibincangkan dalam memperihalkan disposisi seseorang guru adalah sikap tanggung jawab, sikap prihatin, sikap adil, cara berpakaian, kekemasan diri dan gaya pertuturan. Masalah timbul apabila wujudnya persepsi yang tidak selari antara guru dengan murid. Jika penilaian terhadap disposisi oleh dua kelompok ini berbeza, maka hasil pembelajaran tidak sampai kepada murid sebagaimana yang diinginkan. Interaksi guru dengan murid akan menyumbang secara signifikan kepada tahap pembelajaran dan kepuasan murid (Newberry, 2003).

Walau bagaimanapun masih terdapat banyak persamaan dalam disposisi seseorang guru yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak guru dan murid. Titik kesejajaran ini adalah penting dalam usaha mewujudkan pembelajaran yang lebih optimum dalam bilik darjah.

### **1.2.3 Guru Berkesan**

Guru berkesan ialah pendidik yang baik dan dapat memberikan kesan kepada muridnya dari segi personaliti dan membawa perubahan tingkah laku kepada muridnya (Abdull Sukor Shaari, 2008). Sebagai contoh seorang murid yang menghadiri perhimpunan mingguan sekolah telah berpakaian tidak kemas, tidak memasukkan baju dan tidak bertali leher telah ditegur oleh guru disiplin dengan merujuk kepada cara berpakaian guru lain di atas pentas. Minggu berikutnya pelajar tersebut telah mengubah penampilannya dengan merujuk guru lain sebagai model. Hal ini menunjukkan bahawa guru terbabit telah berjaya membawa perubahan tingkah laku kepada murid tersebut.

Guru berkesan adalah guru yang memenuhi spesifikasi yang tertentu. Antara ciri guru berkesan adalah bersikap profesional, mempamerkan ciri-ciri kekuatan teori, kaya ilmu, bertindak di atas landasan etika dan tatasusila kerja, bermoral teguh, sentiasa berusaha meningkatkan kualiti hasil pengajaran dan prihatin dengan kehendak murid dan ibubapa (Abdull Shukor Shaari, 2008). Guru berkesan juga seharusnya berkebolehan menilai kekuatan dan kelemahan murid, menampilkan watak terpuji, berimej, berperibadi mulia, berwawasan sebagai pendidik unggul pada setiap masa dan melengkapkan diri dengan kemahiran yang sejajar dengan tuntutan semasa (Wan Mohd Nor, 2005; Mohamad Johdi, 2007).

Selain itu, ciri-ciri guru berkesan yang popular termasuk sentiasa siaga, mempunyai sikap yang positif, sentiasa meletakkan harapan yang tinggi ke atas pelajar, kreatif, adil, sentiasa mempamer sentuhan peribadi, bijak menanam perasaan dipunyai (*sense of belonging*) dalam kalangan pelajar, mempunyai rasa empati, mempunyai ciri kecinaan, menghormati pelajar, mudah memaafkan dan akhir sekali tidak malu mengaku kesilapan (Walker, 2008).

Guru perlu berupaya mewujudkan situasi “Guru mengajar murid belajar” di dalam kelas. Guru juga perlu berupaya melahirkan “persekolahan berwatak” supaya murid mempunyai kekuatan ilmu, berpersonaliti sihat dan serba boleh. Guru perlu mampu membina minda pelajar yang cemerlang akademik, berupaya membentuk perwatakan murid dengan pelbagai keteguhan nilai diri seperti bermoral, berakhlak mulia, berketrampilan, pandai menyesuaikan diri dengan situasi tertentu (Mok, 2006). Guru berkesan juga adalah guru yang taat dan setia terhadap perkhidmatannya, mempertahankan martabat profesionalnya, bebas pendirian dan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Richard Leblanc, 2000).

Kesimpulannya, guru berkesan adalah guru yang mempunyai disposisi yang cemerlang dalam segala hal. Mereka sepatutnya menjadi idola dan individu yang layak menjadi model ikutan setiap muridnya.

#### **1.2.4 Rasional Kajian Persepsi**

Persepsi didefinisikan sebagai pandangan, tanggapan dan gambaran tentang sesuatu dalam hati atau fikiran (Kamus Dewan Edisi Ke-4, 2007). Berdasarkan definisi ini, suatu kajian persepsi adalah sangat relevan dalam konteks penyelidikan ini disebabkan hal yang ingin dikaji daripada sudut guru dan murid ialah daripada segi tanggapan yang ada dalam fikiran mereka tentang ciri-ciri seorang guru berkesan. Guru dan murid terbabit turut tidak perlu mempunyai sebarang pengetahuan asas tentang senarai ciri yang benar bagi seseorang guru berkesan kerana perkara pokok yang ingin dikaji dalam penyelidikan ini adalah pandangan mereka tentang sifat-sifat yang perlu ada dalam diri seseorang guru sehingga guru dan juga murid menjadi selesa dengan ciri-ciri tersebut sehingga menjadikannya berkesan dalam diri mereka.

Oleh hal yang demikian, suatu kajian persepsi difikirkan paling bertepatan bagi penyelidikan ini disebabkan fokus kajian melibatkan penggunaan deria bagi menghasilkan gambaran dalam hati dan fikiran guru dan murid yang terlibat dan bukanlah perspektif atau sudut pandang hasil penelitian atau kajian yang begitu mendalam tentang sesuatu subjek tersebut.

### **1.2.5 Persepsi Guru dan Murid Terhadap Guru Berkesan**

Murid sering kali mengharapkan agar guru mereka menjadi suatu figura yang hebat dan dapat menjadi idola dalam kehidupan mereka. Murid selalunya sudah mempunyai pandangan yang jelas tentang ciri-ciri guru yang menjadi idaman mereka (Aida Suraya, 2000). Guru idaman ini seterusnya akan menjadi guru yang berkesan bagi mereka kerana dapat menyampaikan maksud pelajaran dengan cara yang bertepatan dengan kehendak murid itu sendiri.

Selalunya murid mengharapkan guru yang mempunyai sifat-sifat umum seperti prihatin, penyayang, penyabar, lemah-lembut, pandai mengambil hati dan pandai berjenaka sebagai ciri-ciri pilihan. Walau bagaimanapun, guru pula sering meletakkan pengetahuan, etika dan moral sebagai ciri-ciri utama guru berkesan (Mohamad Salleh, 2002).

Murid sering beranggapan bahawa mereka akan dapat belajar dengan lebih baik jika diajar oleh guru-guru yang mempunyai ciri-ciri yang mereka gemari sedangkan guru pula berpendapat bahawa murid perlu dibentuk berasaskan prinsip-prinsip disiplin, moral dan etika. Walaupun begitu, pendapat dan pandangan seseorang murid adalah penting untuk diambil kira kerana dalam persekitaran sekolah, murid merupakan pelanggan yang pendapatnya harus dihormati (Abdul Rahim, 2000: Sadker & Sadker, 2003).

### **1.3 Penyataan Masalah**

Terdapat banyak persepsi tentang ciri-ciri guru berkesan. Ciri-ciri tertentu guru berkesan adalah benar daripada persepsi seseorang guru walhal murid mendefinisikan guru berkesan sebagai sesuatu yang jauh berbeza daripada definisi yang diberikan oleh guru. Di sini timbul konflik pandangan yang tidak serupa antara guru dan murid apabila guru percaya bahawa sesuatu ciri yang ditunjukkan adalah merupakan ciri seorang guru berkesan walhal murid tidak pun berpendapat sedemikian. Hal ini berlaku disebabkan beberapa faktor antaranya perbezaan peringkat usia dan kematangan, perbezaan pengalaman, kehendak dan kegemaran serta perbezaan sudut perspektif dalam melihat sesuatu (Simons & Wang, 2008). Perbezaan yang timbul ini seterusnya memberi implikasi dalam pengajaran guru dan penerimaan murid terhadap pelajaran. Walau bagaimanapun, seharusnya terdapat titik kesejajaran dalam ciri-ciri guru berkesan yang dapat dipersetujui oleh kedua-dua pihak, guru dan murid. Kesejajaran inilah yang harus dikaji dan dimanipulasi dalam usaha untuk mencipta iklim pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Persepsi guru dan murid terhadap disposisi guru berkesan perlu seiring supaya pengajaran dan pembelajaran dapat dikuasai oleh murid dengan penuh minat.

Jika persepsi antara kedua-dua pihak guru dan murid ini berbeza, maka hasilnya tidak akan sampai sepenuhnya kepada murid (Tang & Lim, 2002). Kajian telah menunjukkan bahawa interaksi antara murid dan guru dapat menyumbang secara signifikan kepada pembelajaran dan kepuasan murid (Newberry, 2003; Sher, 2004). Memandangkan guru adalah orang yang penting dalam hidup murid dan setiap hari guru perlu berhadapan dengan pelbagai kerenah para muridnya, maka tidak hairanlah jika segala tingkah laku guru sering mendapat perhatian dan menjadi ikutan murid (Mok, 2006).

Tugas utama guru ialah mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran (Mohd Fauzi, 2004; Mok, 2006). Walau bagaimanapun, guru perlu memiliki sahsiah keperibadian, perwatakan fizikal dan kemahiran komunikasi yang berkesan dalam mengendalikan proses pengajaran mereka agar rungutan seperti guru mengajar sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh, sering masuk lewat ke kelas, tidak membuat persiapan rapi dan hanya sekadar menyampaikan ilmu tanpa menggunakan bahan bantu mengajar tidak lagi timbul. Selain itu, guru turut perlu mengelakkan diri daripada kerap dikaitkan dengan masalah kurang berketrampilan dalam pengajaran dan kurang berkemahiran dalam komunikasi (Omardin Ashaari, 2001). Hal ini disebabkan perkara-perkara inilah yang akan menjejaskan pandangan dan persepsi masyarakat terhadap guru dan profesion perguruan.

Kesedaran guru terhadap disposisi guru berkesan mengikut pandangan murid adalah rendah menyebabkan guru jahil tentang kehendak dan keperluan seseorang murid. Guru juga kerap tersalah anggap tentang ciri guru berkesan yang menjadi dambaan murid. Kegagalan memahami ilmu psikologi dalam perkembangan emosi murid turut menyumbang terhadap permasalahan ini (Omardin Ashaari, 2001). Selain itu, sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan menyebabkan guru terlalu fokus terhadap silibus sehingga mengabaikan aspek-aspek lain yang mungkin difikirkan sebagai remeh oleh guru walhal perkara itu mungkin merupakan tarikan yang besar terhadap murid.

Oleh sebab itu, kajian ini telah dirangka sebegitu rupa bertujuan mengenalpasti beberapa faktor yang merangkumi aspek sahsiah keperibadian, perwatakan fizikal dan kemahiran komunikasi yang merupakan ciri-ciri disposisi yang penting untuk dipraktikkan bagi seseorang guru. Seterusnya, kajian ini menyelidik perbandingan antara persepsi guru dan murid terhadap ciri-ciri disposisi ini agar suatu titik kesejajaran pendapat dapat disenaraikan agar kehendak dan kemahuan kedua-dua belah pihak dapat dipenuhi. Hal ini dan seterusnya diharapkan dapat menghasilkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang lebih optimum. Perbezaan persepsi yang wujud pula boleh dikaji oleh para guru dalam usaha memperbaiki mutu perwatakan dan sahsiah mereka agar sejajar dengan kemahuan murid. Perbezaan ini juga memungkinan seseorang guru melakukan muhasabah dan "*post-mortem*" terhadap diri masing-masing agar mereka boleh menjadi guru yang lebih berkesan di mata murid. Di samping itu, kajian sebegini juga dilihat agak kurang dijalankan di Malaysia,



oleh itu adalah penting kajian sebegini dijalankan untuk mengkaji permasalahan ini dalam konteks institusi pendidikan di Malaysia agar pengetahuan tentang aspek ini dapat dipertingkatkan seterusnya menjadi perintis kepada kajian-kajian lain yang akan datang.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan mengkaji persepsi guru dan murid terhadap disposisi guru berkesan. Untuk memenuhi tujuan kajian ini, beberapa objektif khusus telah dibentuk bertujuan memperjelaskan lagi aspek-aspek yang ingin dikaji. Berikut disenaraikan objektif-objektif khusus bagi kajian ini:

1. Meneliti maksud guru berkesan daripada persepsi guru dan murid.
2. Mengkaji persepsi guru dan murid terhadap sahsiah keperibadian guru berkesan.
3. Mengkaji persepsi guru dan murid terhadap perwatakan fizikal guru berkesan.
4. Mengkaji persepsi guru dan murid terhadap kemahiran komunikasi guru berkesan.
5. Mengkaji perbandingan persepsi guru dan murid terhadap sahsiah keperibadian, perwatakan fizikal dan kemahiran komunikasi guru berkesan.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Dalam usaha mencapai objektif kajian ini, beberapa soalan kajian telah dirangka untuk dijadikan garis panduan agar matlamat utama kajian ini tidak tersasar dan perjalanan kajian ini sentiasa berada dalam landasan yang betul. Berikut disenaraikan soalan kajian yang telah dibina berdasarkan objektif kajian ini:

1. Apakah maksud guru berkesan daripada persepsi guru dan murid?
2. Bagaimanakah persepsi guru dan murid terhadap sahsiah keperibadian guru berkesan?
3. Bagaimanakah persepsi guru dan murid terhadap perwatakan fizikal guru berkesan?
4. Bagaimanakah persepsi guru dan murid terhadap kemahiran komunikasi guru berkesan?
5. Bagaimanakah perbandingan persepsi guru dan murid terhadap sahsiah keperibadian guru berkesan?
6. Bagaimanakah perbandingan persepsi guru dan murid terhadap perwatakan fizikal guru berkesan?

7. Bagaimanakah perbandingan persepsi guru dan murid terhadap kemahiran komunikasi guru berkesan?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji disposisi guru yang berkesan daripada persepsi dua belah pihak iaitu guru dan murid. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang secara aktif dalam memberikan gambaran yang lebih jelas kepada para guru dalam memenuhi kehendak dan kemahuan klien mereka iaitu murid. Kajian ini adalah perlu khususnya dalam mengenal pasti kriteria-kriteria guru berkesan yang dianggap penting oleh murid agar para guru dapat mengenal pasti aspirasi murid tentang ciri guru yang dianggap ideal oleh mereka. Hal ini penting kerana guru yang berkesan akan berupaya melahirkan murid-murid yang ingin belajar dan akhirnya mewujudkan kecemerlangan dalam kalangan mereka (Ibrahim Ahmad Bajunid, 2004). Hasil dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan dan kayu ukur kepada para guru dalam menilai keberkesanan dirinya sendiri di mata murid dalam proses pengajaran di sekolah.

Oleh sebab persepsi antara guru dan murid terhadap disposisi guru berkesan adalah berbeza-beza, maka kajian ini bertujuan mengkaji perbezaan itu dan seterusnya melaporkannya agar seseorang guru dapat memanfaatkan kajian ini untuk mengetahui isi hati, kehendak dan kemahuan murid. Guru seterusnya dapat memuhasabah diri dan melakukan "*post-mortem*" untuk memperbaiki diri dan seterusnya menghapuskan perbezaan persepsi yang wujud. Dengan cara ini, diharapkan agar kepuasan murid dapat dipenuhi dan seterusnya proses pembelajaran yang lebih optimum dapat dicapai.

Kepentingan penyelidikan ini meliputi ketiga-tiga konstruk yang dikaji. Dari aspek sahsiah keperibadian, melalui kajian ini guru dapat mengetahui jenis sahsiah keperibadian yang disukai oleh murid. Contohnya seperti sikap prihatin, tanggung jawab dan sikap adil. Berdasarkan pengetahuan ini, guru dapat menambah baik sahsiah keperibadiannya untuk memenuhi kehendak murid tersebut. Dari aspek perwatakan fizikal pula, guru dapat mengetahui cara gaya pemakaian, penampilan wajah dan kekemasan diri yang disukai oleh murid dan juga guru-guru lain. Hal ini akan menyebabkan guru dapat memberikan penampilan yang sesuai ketika berada di tempat kerja. Aspek kemahiran komunikasi juga telah ditonjolkan kepentingannya dalam kajian ini. Melalui penyelidikan ini guru dapat mempelajari dan seterusnya mempraktikkan kemahiran bertutur, bahasa badan dan kemahiran kecindan supaya sesuai dengan kehendak dan keperluan perkhidmatan agar guru dapat mencapai status guru yang berkesan dan menjadi idaman murid.

Tugas guru sebenarnya amat berat kerana mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai kerenah dan ragam murid (Omardin Ashaari, 2001). Lebih-

lebih lagi, murid sekarang ini rata-rata lebih berani, berdaya saing dan maju dalam teknologi maklumat. Oleh itu, guru harus sentiasa bersedia, proaktif, inovatif dan kreatif supaya sentiasa terkehadapan dan boleh bertindak sebagai model ikutan kepada anak muridnya (Omardin Ashaari, 2001). Oleh itu, adalah diharapkan agar kajian ini dapat memberikan gambaran yang jelas tentang ciri-ciri guru berkesan daripada persepsi kedua-dua belah pihak, guru dan murid.

Diharapkan melalui kajian ini, para guru mendapat sedikit sebanyak ilmu dan manfaat dalam memperbaiki diri dan mempertingkatkan kualiti peribadi agar dapat memenuhi aspirasi murid dalam menjana imej sebagai seorang guru berkesan. Selain itu, kajian ini turut bermanfaat bagi tujuan meningkatkan ilmu dan pengetahuan dalam kalangan ibu bapa dan murid selain berfaedah kepada mereka yang berminat dalam mengkaji tentang profesion perguruan.

### **1.7 Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini melibatkan seramai lapan orang responden yang terdiri daripada empat orang guru dan empat orang murid tingkatan empat daripada sebuah sekolah menengah di Gombak, Selangor. Dalam menganalisis perbandingan persepsi ini, hanya pembolehubah persepsi guru dan murid sahaja yang dikaji. Persepsi pihak lain contohnya seperti ibu bapa dan masyarakat umum tidak termasuk dalam aspek yang dikaji dalam kajian ini. Hal ini menyebabkan terdapat batasan dalam skop kajian yang melibatkan persepsi daripada hanya dua entiti iaitu guru dan murid sahaja.

Ciri-ciri guru berkesan yang dikaji turut ditumpukan kepada tiga konstruk sahaja iaitu sahsiah keperibadian, yang melibatkan tiga subkonstruk iaitu sikap prihatin, sikap tanggung jawab dan sikap adil, konstruk perwatakan fizikal yang meliputi cara berpakaian, aspek wajah dan kekemasan diri serta konstruk kemahiran komunikasi yang merangkumi subkonstruk gaya pertuturan, bahasa badan dan kemahiran kecindan. Hal ini bermakna kajian ini hanya melibatkan skop ciri-ciri yang disebutkan di atas sahaja dan tidak melihat secara keseluruhan ciri-ciri guru berkesan yang biasa dibincangkan, terutama dalam aspek pedagogi dan konteks ilmu seseorang guru.

Selain itu, kajian ini hanya melibatkan empat orang guru dan empat orang murid tingkatan empat dari SMK Taman Selayang, Gombak, Selangor. Oleh itu dapatan kajian tidak harus digunakan dan digeneralisasikan kepada populasi yang lain kerana dapatan bagi sampel yang berbeza mungkin adalah berbeza-beza.

Selain itu, faktor manusia turut mempengaruhi batasan kajian. Hal ini berikutan kajian ini bergantung kepada ketelusan responden dalam memberikan respons terhadap soalan-soalan yang dikemukakan oleh penyelidik, di samping turut

bergantung kepada sikap, nilai dan 'mood' responden berkenaan. Faktor kesukaran untuk menyelami dan mengukur hati manusia mewujudkan batasan dalam kajian ini, di samping faktor kejujuran daripada pihak responden yang turut merupakan batasan yang wujud dalam penyelidikan ini.

## **1.8 Definisi Operasional**

### **1.8.1 Persepsi**

Persepsi ialah gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan (Kamus Dewan Edisi Ke-4, 2007). Adey dan Shayer (2000) telah mendefinisikan persepsi sebagai penggunaan deria manusia bagi mendapatkan maklumat, idea dan pandangan tentang persekitaran bagi membolehkan manusia menjadi selesa dengan kewujudan pelbagai objek, peristiwa dan ciri-ciri mereka. Ia turut menegaskan bahawa manusia boleh membuat persepsi terhadap sesuatu objek tanpa perlu mendapatkan sebarang pengetahuan tentang objek tersebut.

Dalam konteks kajian ini, persepsi adalah dari sudut gambaran, pandangan atau tanggapan guru dan murid. Ini bermakna guru dan murid diberi kebebasan untuk menyatakan pendapat mereka mengenai disposisi guru berkesan yang melibatkan sembilan subkonstruk iaitu sikap prihatin, sikap adil, sikap tanggung jawab, berpakaian, wajah, kekemasan diri, pertuturan, bahasa badan dan kemahiran kecindan. Ia adalah pandangan yang boleh jadi berbentuk positif atau negatif. Setiap orang bebas untuk memberikan pendapat masing-masing berdasarkan apa yang difikir, apa yang dilihat dan berdasarkan apa yang dirasa.

### **1.8.2 Disposisi Guru Berkesan**

Disposisi bermaksud pembawaan, personaliti, karekter, kebiasaan dan kecenderungan seseorang untuk bertindak dengan cara tertentu (Bourdieu, 2000). Disposisi membezakan seseorang dengan seseorang yang lain. Istilah ini merujuk *mood* dan perangai dalaman seseorang yang biasanya berkait rapat dengan organisasi saraf, fizikal dan kualiti yang diperolehi menerusi pengalaman hidup. Secara keseluruhannya, disposisi membezakan seseorang dengan seseorang yang lain (Bourdieu, 2000).

Istilah "guru" pula dapat ditakrifkan sebagai pendidik, pengajar dan juga pengasuh manakala "berkesan" diberi pengertian sebagai meninggalkan kesan atau bekas (Kamus Dewan Edisi Ke-4, 2007). Guru berkesan ialah pendidik

yang baik dan dapat memberikan kesan kepada muridnya dari segi personaliti dan membawa perubahan tingkah laku kepada muridnya (Abdull Sukor Shaari, 2008). Oleh itu dalam kajian ini, guru berkesan bolehlah dianggap sebagai pendidik yang berjaya mendidik sehingga meninggalkan kesan dalam diri muridnya.

Dalam konteks kajian ini, istilah “disposisi guru berkesan” membawa maksud sahsiah keperibadian yang meliputi sikap prihatin, sikap tanggung jawab dan sikap adil. Perwatakan fizikal yang merangkumi cara pemakaian, penampilan wajah dan kekemasan diri serta kemahiran komunikasi yang termasuk aspek pertuturan, bahasa badan dan kemahiran kecindan yang wujud dalam diri seseorang guru yang mampu meninggalkan bekas dalam diri seseorang murid.

### **1.8.3 Sahsiah Keperibadian**

Menurut Kamus Dewan, perkataan “sahsiah” bermaksud keperibadian ataupun peribadi manakala perkataan “keperibadian” pula membawa erti sifat-sifat, kelakuan ataupun sikap seseorang yang sudah sebatu dengan dirinya sendiri untuk membentuk wataknya (Kamus Dewan Edisi Ke-4, 2007).

Menurut konteks kajian ini, “sahsiah keperibadian” bermaksud sikap peribadi yang ada dalam diri guru berkesan. Dalam kajian ini, sikap peribadi guru tersebut telah dibahagikan kepada tiga subkonstruk utama iaitu sikap prihatin, sikap tanggung jawab dan sikap adil.

Sikap prihatin menurut kajian ini membawa maksud sikap cakna dan ambil berat seseorang guru terhadap sekolah, khususnya terhadap murid. Contoh ekspresi sikap ini adalah seperti bertanyakan khabar murid, menegur kesalahan murid dan mengambil tahu tentang prestasi pelajaran murid.

Sikap tanggung jawab dalam kajian ini bermaksud akauntabiliti seseorang guru terhadap tugas hakikinya seperti menepati masa, menghabiskan sukatan pelajaran, memantau kerja murid dan memeriksa jawapan murid manakala sikap adil pula bermaksud bersikap saksama dalam profesion. Contohnya melalui penonjolan sikap tidak pilih kasih, memberi pujian dan dendaan secara sama rata dan tidak prejudis dalam melabelkan murid mengikut keupayaan mereka.

### **1.8.4 Perwatakan Fizikal**

Kamus Dewan mendefinisikan “perwatakan” sebagai watak-watak keseluruhan seseorang ataupun pemaparan watak seseorang yang tidak lari daripada sifat asasnya manakala “fizikal” pula bermaksud sesuatu yang berkaitan dengan badan dan jasmani seseorang (Kamus Dewan Edisi Ke-4, 2007). Dalam

konteks kajian ini, “perwatakan fizikal” didefinisikan sebagai ciri-ciri fizikal seseorang guru yang telah dibahagikan kepada tiga subkonstruk iaitu cara pemakaian, wajah dan kekemasan diri.

Cara pemakaian menurut kajian ini meliputi aspek-aspek fizikal seperti sama ada pakaian seseorang guru itu bersih, siap bergosok, kemas dan menurut piawai etika berpakaian seorang penjawat awam. Subkonstruk wajah pula merangkumi ciri-ciri seperti kekemasan dan ekspresi wajah. Sebagai contoh, sama ada seseorang guru itu mengurus wajahnya dengan kemas, menatariar solekan, merias janggut, misai dan kumis dengan baik dan memaparkan air muka yang ceria, sentiasa tersenyum dan sebagainya. Manakala kekemasan diri pula bermaksud aspek-aspek fizikal lain seperti gaya rambut, kuku dan aspek penjagaan kebersihan seperti bau badan dan bau nafas.

### **1.8.5 Kemahiran Komunikasi**

Perkataan “kemahiran” didefinisikan oleh Kamus Dewan sebagai kecekapan dan kepandaian manakala “komunikasi” pula bererti hal-hal berkaitan dengan perhubungan (Kamus Dewan Edisi Ke-4, 2007). “Kemahiran komunikasi” dalam kajian ini membawa maksud kecekapan dalam menyampaikan maksud. Dalam konteks kajian ini, konstruk ini dibahagikan kepada tiga subkonstruk iaitu pertuturan, bahasa badan dan kemahiran kecindan.

Pertuturan dalam aspek kajian ini merangkumi sama ada guru bersuara dengan jelas, lantang dan menggunakan laras bertutur yang mudah difahami. Aspek bahasa badan pula mencakupi hal-hal seperti hubungan mata dengan murid dan penggunaan tangan untuk menunjukkan penekanan terhadap sesuatu maklumat yang ingin disampaikan. Kemahiran kecindan pula termasuklah aspek-aspek seperti kebolehan berjenaka untuk menarik perhatian audien yang dalam aspek kajian ini adalah murid.

## **1.9 Kesimpulan**

Kesimpulannya, kajian ini mengkaji tentang perbandingan antara persepsi guru dan murid terhadap disposisi guru berkesan. Kesejajaran ciri-ciri guru berkesan yang dapat disimpulkan ini seterusnya diharap dapat menghasilkan pembelajaran yang lebih optimum dan memuaskan hati murid khususnya. Guru berkesan dalam konteks kajian ini adalah guru yang mempunyai disposisi yang cemerlang dalam segala hal. Mereka inilah yang sepatutnya menjadi idola dan individu yang layak menjadi model ikutan bagi setiap murid.

## RUJUKAN

- Abdul Rafei Mahat. (2006). *Isu-Isu dan Cabaran Guru Permulaan*. Kertas kerja dibentangkan dalam Kolokium Guru Permulaan, anjuran Bahagian Pendidikan Guru (Kementerian Pelajaran Malaysia) dengan kerjasama Institut Pengurusan Ipoh, Perak, Hotel Heritage Ipoh, 14-16 November 2006).
- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2000). *Wawasan dan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2004). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdull Sukor Shaari. (2008). *Guru Berkesan: Petua dan Panduan*. Penerbitan Universiti Utara Malaysia.
- Abu Bakar, Nordin. & Ihsan, Omar. (2008). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Tanjung Malim, Perak: Quantum Books.
- Abu Talib Putih & Lee Siew Eng. (2005). *Pedagogi Merentas Kurikulum*. PTS Professional, Publishing Sdn. Bhd.
- Adey, P Casapo, B, Demteriou A., Hautamäki J, & Shayer, M. (2007). *Can We Be Intelligent About Intelligence? Why Education Needs the Concept of Plastic General Ability*. The Educational Research Review 2.
- Aida Suraya Mohd. Yunus. (2000). *Latihan Guru di Peringkat Pengajian Tinggi: Bersediakah Guru Matematik untuk Alaf Baru?*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Prosiding Seminar Pendidikan Matematik. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Alimuddin Mohd Dom. (2009). *Perutusan Hari Guru 2009 di Perayaan Hari Guru Kebangsaan, Kuala Lumpur*. Bahagian Pendidikan Guru, KPM, 2009, Standard Guru Malaysia, Selangor
- Ali Murad, Yahya Hasan. (2003). *Adab al-'Alim wa al-Muta'alim 'ind al-Mufakkirin al-Muslimin min Muntasif al-Qarn al-Thani al-Hijriy wa hatta Nihayah al-Qarn al-Sabi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Nahlawi, 'Abd al-Rahman. (2004). *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibuha fi al-Bait wa al-Madrasah aal-Mujtama*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah-Sekolah Menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizah Lebai Nordin. (2000). Guru Pendidikan Islam yang Berkesan. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. 22: 173–183.
- Azlina Abu Bakar @ Mohamad. (2001). *Psikologi Personaliti Individu*. Selangor : Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Ball, D. (2000). Bridging Practices: Intertwining Context and Pedagogy in Teaching and Learning to Teach. *Journal of Teacher Education*, 51, 241-247.
- Bandura, A. (1986). *Social Learning Theory*. New Jersey : Prentice Hall
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (2003). *Qualitative Research in Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Borg, W.R & Gall, M.D. (2006). *Education Research: An Introduction (8<sup>th</sup> ed)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Bourdieu P. (2000). *Pascalian Meditations : Practical Reason*. University of Chicago Press.
- Chee Kim Mang. (2008). *Kualiti Guru Keluaran Sebuah Institut Perguruan: Satu Tinjauan Dari Perspektif Pentadbir Sekolah*. Institut Perguruan Persekutuan Pulau Pinang.
- Cocklin, B. (2000). Applying Qualitative Research to Adult Education: Reflections upon Analytic Processes. *Studies in the Education of Adult*, 28, 88-116.
- Creswell, J.W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Daniel, J. Simon, Ranxiao Frances Wang. (2008). Psychological Science. *Journal of Psychological Science*, vol. 9, 4 : pp 315-320
- Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S. (2000). *Handbook of Qualitative Research*. New York : Maxwell Macmillan.



- Ee Ah Meng. (2000). *Psikologi Perkembangan Aplikasi Dalam Bilik Darjah*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Fenstermacher, G.D & Richardson, V. (2005). *On Masking Determination of Quality in Teaching*. *Journal of Teachers College*. 107: 186–213.
- Gary, D. B. (2006). *Effective Teaching Method*. New York: Maxwell Macmillan.
- Gay, L.R. (2008). *Educational Research Competencies for Analysis and Application*. New Jersey: Prentice.Hall.
- Gordon, Allport. (1961). *Pattern and Growth in Personality*. Harcourt College Publishings.
- Hafidah Mohamed. (2001). *Pemikiran Guru Cemerlang: Implikasinya Terhadap Perkembangan Profesionalisme Guru*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Fauzy Yaakob. (2000). *Pengantar Komunikasi Manusia*. Edisi Pertama: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibrahim Ahmad Bajunid. (2004). *Guru Berkualiti Aspirasi Negara*. Forum Pendidikan Pulau Pinang.
- Ibrahim Ahmad Bajunid. (2004). *An Uncommon Teacher*. Januari 11, 2004. Utusan Malaysia.
- Jorgensen, D.L. (1989). *Participant Observation: A Methodology for Human Study*. Applied Social Research Method Series, vol.15. Newbury Park, California: Sage
- Kamus Dewan. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karom Kingsoka. (2010). *Sikap yang Harus Dimiliki oleh Seorang Guru*. Makalah Keperibadian Guru: 19 Januari 2010. Kuala Lumpur.
- Kidder, L. H. & Fine, M. (2000). *Qualitative Inquiry in Psychology: A Radical Tradition*. Fox, D & Prilleltensky, I., *Critical psychology: An introduction* (pp. 34-50). London: Sage Publications.
- Kyriacou, C. (2009). *Effective Teaching; Pupil Motivation*. 3rd Edition, United Kingdom: Stanley Stone.
- Littlejohn, S. W. (2002). *Theories of Human Communication (7th Ed)*. Belmont, CA: Wadsworth.

- Marohaini Yusof. (2001). *Penyelidikan Kualitatif*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Marzita Abdullah. (2003). *Kualiti Guru Selari dengan Perkembangan Semasa*. Utusan Malaysia. 20 Mei 2003.
- Mare, Lucy Le & Sohbat, Elahe. (2002). Canadian Students' Perceptions of Teacher Characteristics that Support or Inhibit Help Seeking. *Elementary School Journal*. 102(3): 239–253.
- Maslow, A. (1970). *Motivation and Personality*. New York : Harper
- Maizatul Akma Abu Bakar. (2008). *Perkaitan Di antara Hubungan Keluarga, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Terhadap Tingkah laku Delinkuen Pelajar Tingkatan Empat di Sebuah Sekolah di Daerah Johor Bahru*. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling*, Bil. 2, 109-119.
- M. Ngalim Purwanto. (2007). *Ilmu Pendidikan Teoritis dan Praktis*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Melville, D. S., & Cardinal, B. J. (2000). *Are Overweight Physical Educators a Disadvantage in the Labor Market? A Random Survey of Hiring Personnel*. *The Physical Educator*, 54, 216-221
- Merriam, S. B. and Associates. (2002). *Qualitative Research in Practice: Examples for Discussion and Analysis*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mohamad Johdi, H.S. (2007). *Guru Efektif dan Peranan Guru Dalam Mencapai Objektif Persekolahan*. <http://www.ipbi.edu.my/inter/pendidikan/seminarpaper/2007/Edmanagement/mohdjohdiUIAMp.pdf>
- Mohammad Shatar, Jasni Sabri dan Azali Mohamed. (2006). *Tips Pendidik Cemerlang*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Azhar Abd. Hamid. (2001). *Kritis dan Kreatif*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Fauzi Hamat. (2004). *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM.
- Mohd. Safar Hashim dan Fatimah Yusoff. (2000). *Komunikasi antara Manusia: Ciri-ciri Penting dalam Komunikasi Peribadi dan Komunikasi Awam*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa Pustaka.

- Mohd Salleh Awaluddin. (2002). *Perancangan Pendidikan: Peringkat Sekolah dan IPT*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mok Soon Sang. (2003). *Pemulihan, Pengayaan dan Isu Pendidikan*. Shah Alam: Kumpulan Budiman.
- Mok Soon Sang. (2004). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI*. Shah Alam: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (2006). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI*. Shah Alam: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Moore, K.D. (2001). *Classroom Teaching Skills*. London: MacGraw-Hill.
- Morse, J., & Richards, L. (2002). *Read First for a Users Guide to Qualitative Methods*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Neuman, W.L. (1997). *Sosial Research Method*. Boston: Allyn & Bacon.
- Newberry, B. (2003). *Effects of Social Motivation for Learning and Student Social Presence on Engagement and Satisfaction in Online Classes*. Unpublished doctoral dissertation, Kansas University, Kansas.
- Nussbaum, J.F. & Williams, A. (2001). *Intergenerational Communication Across The Life Span*. London : Lawrence Erlbaum Publishers.
- Nor Safrin Ahmad, Fadzilah Amzah dan Rahimi Aman. (2009). *Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Okpala, Comfort O; Smith, Frederick; Jones, Enid; Ellis, Richard. (2000). *A Clear Link between School and Teacher Characteristics, Student Demographics, and Student Achievement*. New York Education. 478–493.
- Omardin Ashaari. (2000). *Pengajaran Kreatif untuk Pembelajaran Aktif*. Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur.
- Omardin Ashaari. (2001). *Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Guru di Sekolah*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors.
- Patton, M.Q. (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods*. Thousand Oaks, CA: Sage.

- Petegem, K., Van, B. P., Creemers, Y., Rossel, A., Alterman, M. (2005). Relationships between Teacher Characteristics, Interpersonal Teacher Behaviour and Teacher Wellbeing. *The Journal of Classroom Interaction*; Winter 2005; 40(2): 34–43.
- Pogue, L. L. dan Kim Ah Yun. (2006). The Effect of Teacher Nonverbal Immediacy and Credibility on Student Motivation and Affective Learning. *Communication Education*, 55, 331-344.
- Richards, Le Blanc. (2008). *Good Teaching: The Top Ten Requirements*. New York University.
- Rosaidi Tajuddin, Nur Shahidatul Akmar Mohd Shahibi, Siti Fatimah Nordin, Azma Aziz, Afzan Mustafa. (2008). *Aplikasi Ilmu Sosiologi Pendidikan dalam Pengurusan Bilik Darjah*. Kertas Projek yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Roskos, K., Neuman, S., Wright, T. S., & Lenhart, L. (2007). *Nurturing Knowledge: Building a Foundation for School Success by Linking Early Literacy to Math, Science, Art, and Social Studies*. New York: Scholastic Inc.
- Sadker, M. P. & Sadker, D. M. (2003). *Teachers, Schools and Society*. New York: Mc Graw Hill.
- Schramm, Wilbur Lang. (1954). *Handbook of Communication*. Houghton Mifflin School.
- Shahril Habib. (2000). *Isu Pendidikan di Malaysia, Sorotan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications. 98-101.
- Sher, A. (2004). *Assessing the Relationships of Student-Instructor and Student-student Interaction with Student Learning and Satisfaction in Web-based Learning Program*. Unpublished doctoral dissertation. Washington University, Georgia.
- Silverman, D. (2001). *Interpreting Qualitative Data* (2<sup>nd</sup>. Ed.). London : Sage Publications.
- Spitzberg, B.H. & Huberman, A.M. (1984). *Interpersonal Communication Competence*. Beverly Hills, California:Sage.
- Sufean Hussin. (2004). *Dasar Pembangunan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Sungging Handoko. (2002). *Sikap Mengajar Guru Serta Pengaruhnya dalam Pendidikan*. Jurnal Educare Edisi Ogos. Jakarta.
- Surat Pekeliling Iktisas Bil.6/1985. Peraturan Pakaian Guru di Sekolah/ Pensyarah di Maktab Peguruan, Politeknik, Lain-lain Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Pelajaran di Pejabat Pelajaran Daerah dan Bahagian, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran.
- Suzanne Laong A/K Clement Eton. (2006). *Persepsi Pelajar PKPG Terhadap Personaliti Pelajar Perdana Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan ; Satu Tinjauan*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tang, Swee Mei, Lim, Kong Tiong. (2002). Hubungan antara Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran dengan Kepuasan Pelajar : Satu Tinjauan. *Utara Management Review*, 3(1). Pp 67-85.
- Teven, J. & Hanson, L. (2004). The Impact of Teacher Immediacy and Perceived Caring on Teacher Competence and Trustworthiness. *Communication Quarterly*. 52(1): 39–54.
- Teven, J. J. (2007). Teacher Caring and Classroom Behavior: Relationships with Student Affect and Perceptions of Teacher Competence and Trustworthiness. *Communication Quarterly*., 55, 433-450.
- Tunku Mohani Tunku Mohtar (2005). *Bahasa dan Berbahasa dalam Komunikasi*. Jabatan Pendidikan Bahasa & Literasi. University Melaya.
- Van Maanen, J. (Ed.) (2000). *Qualitative Methodology*. Beverly Hills, California: Sage.
- Walker, Robert J., (2008). *Twelve Characteristics of an Effective Teacher*. Alabama State University.
- Wan Marzuki Wan Ramli. (2008). *Ambil Peluang Jadi Guru Berilmu*. Diakses pada <http://www.perkhidmatanpelajaran.blogspot.com/2008/07/ambil-peluang-jadi-guru-berilmu.html>.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2005). *Pencapaian dan Cabaran Pendidikan Islam (Achievements and Challenges in Islamic Education)* in Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam (Malaysia as an Islamic State). Kuala Lumpur: IKIM.
- Wayne, J. Wayne & Youngs, Peter. (2003). Teacher Characteristics and Student Achievement Gains: A Review. *Review of Educatioan Research*. 73(1): 89–122.

West, R., & Turner, L. H. (2000). *Introducing Communication Theory: Analysis and Application*. Mountain View, CA: Mayfield.

Wiseman, Gordon. (1948). *Speech – Interpersonal Communication*. Chandler Publication Co.

Yost, Rosanne. (2002). *I Think I Can: Mentoring as a Means of Enhancing Teaching Efficacy*. Washington : The Clearing House.

Yule, G. (2002). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.

Zainal Abidin Hj. Sulaiman. (2000). *Persepsi Pelajar-Pelajar Tingkatan Satu dan Dua Terhadap Komponen Perdagangan dan Keusahawan Dalam Mata Pelajaran KHB di Sekolah Menengah Kebangsaan Rengit, Batu Pahat, Johor*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.

Zol Azlan Hamidin. (2000). *Strategi Pengajaran*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.

Zulfahmi Md Hanafiah. (2008). *Faktor-Faktor yang Mendorong Keberkesanan Pengajaran Guru Pelatih UTM Dalam Menghadapi Latihan Mengajar*. UTM : Skudai, Johor.